

# Karnival kerjaya UPM meriah

Oleh QAMARUL MUNIRAH SAID

**M**ELIHAT realiti kehidupan pada hari ini, untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan khususnya bagi graduan yang baru sahaja menamatkan pelajaran mereka bukanlah sesuatu yang mudah.

Masih ramai lagi graduan yang menganggur dan tidak memiliki apa-apa pekerjaan walaupun telah lama menamatkan pengajian mereka.

Berbekalkan kepada keadaan ini, baru-baru ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan satu karnival kerjaya untuk pelajar tahun akhir dan alumni universiti berkenaan.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari itu telah diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah. Ia sebagai langkah untuk memberi peluang kepada pelajar dan graduannya bersemuka dan berinteraksi dengan syarikat-syarikat swasta dan

kerajaan yang mengambil bahagian pada karnival tersebut.

"Karnival ini merupakan rentetan daripada karnival kerjaya peringkat kebangsaan yang telah kita adakan pada tahun lalu anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



PARA pelajar sibuk melawat ke gerai-gerai sambil merisik peluang pekerjaan yang ditawarkan sepanjang berlangsungnya karnival kerjaya.

Gambar IZHAM JAAFAR

"Kita akan mengadakan karnival ini pada setiap tahun sebagai langkah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam menghadapi temuduga serta menyediakan resume yang berkualiti," ujar Pengarah Pusat Alumni, UPM, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim.

Karnival yang disertai oleh lebih 50 buah agensi swasta dan kerajaan ini bukan sahaja memberi peluang untuk pelajar dan graduan UPM untuk bersua muka dengan majikan, malah mereka juga berpeluang untuk menghadiri temuduga terbuka, klinik resume serta mendapatkan panduan-panduan sebelum menghadapi temuduga.

"Sebanyak 1,390 peluang pekerjaan

dalam bidang sains, sastera dan teknikal ditawarkan kepada siswazah yang bakal menamatkan pengajian dan yang masih menganggur di karnival ini.

"Walaupun sekarang adalah masa yang sangat genting iaitu para pelajar perlu menyiapkan projek-projek dan tugas, tetapi sambutan yang diberikan amat menggalakkan dan diluar jangkaan."

"Karnival ini tidak terhad hanya kepada pelajar tahun akhir sahaja tetapi turut terbuka kepada alumni UPM yang masih belum mendapatkan pekerjaan," katanya.

Karnival yang diadakan ini adalah kerjasama antara Pusat Alumni UPM dan Seksyen Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPM.

## Apa kata mereka

**Hazirah Harun, 22**  
**Ijazah Sarjana Muda Kimia Perindustrian Fakulti Sains, UPM**

"Sebagai pelajar, peluang sebegini haruslah di ambil dan janganlah terlalu memilih. Apa yang di tawarkan, kita ambil supaya kita tidak rugi dan ketinggalan pada masa hadapan."

"Pada saya tawaran daripada syarikat seperti Tesco, Top Glove Sdn Bhd dan MOI Food Malaysia Sdn. Bhd. amat menarik dan sesuai untuk saya dan rakan-rakan yang lain," katanya.

**Chua Chong Win, 23**  
**Ijazah Sarjana Muda Kimia Perindustrian Fakulti Sains, UPM**

"Apa yang saya lihat pada pameran ini ia lebih banyak kepada bidang perniagaan berbanding bidang yang lain. Saya berharap pada masa akan datang, bidang-bidang lain akan diperbanyak lagi supaya dapat memberi lebih peluang kepada para pelajar," ujarnya

**Zaharah Jaafar, 23**  
**Ijazah Sarjana Muda Ekonomi**  
"Melalui karnival seperti ini, peluang untuk pelajar dan mereka yang menganggur untuk mendapatkan pekerjaan adalah cerah. Dengan cara ini, kita akan dapat mengenali lebih dekat majikan dan begitu juga sebaliknya," terangnya.

**Yassir Ibrahim, 24**  
**Ijazah Sarjana Muda Ekonomi**  
"Tahniah diucapkan kepada pihak UPM kerana berjaya mengadakan karnival seperti ini dalam membantu para pelajarnya untuk mendapatkan pekerjaan," jelasnya.



**DR. ROHANI IBRAHIM**